


Alkitab untuk Anak-anak  
memperkenalkan

# Yesaya Melihat Masa Depan



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Jonathan Hay

Disadur oleh: Mary-Anne S.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children  
[www.M1914.org](http://www.M1914.org)

©2024 Bible for Children, Inc.  
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau  
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

1


Yesaya adalah seorang nabi. Pekerjaannya adalah menyampaikan kepada orang-orang, tentang apa yang Tuhan firmankan.



2


Orang-orang terkadang tidak ingin mendengar apa yang Tuhan katakan, tetapi Yesaya tidak pernah mengecewakan Tuhan. Yesaya mengajarkan Firman

Tuhan selama masa pemerintahan empat orang raja yang berbeda.



3

Raja Uzia memerintah tanah Yehuda dari kota Yerusalem. Pada mulanya, Tuhan memberkati Uzia kerana dia melakukan apa yang benar di mata Tuhan. Tetapi Uzia menjadi sombong dan berhenti mentaati Tuhan. Dia menderita sakit kusta dan terpaksa hidup sendirian sehingga mati.



4

Raja Uzia memerintah selama lebih dari 60 tahun. Apabila dia mati, Yotam, anaknya, menggantikan dia dan memerintah selama tujuh belas tahun. Tuhan memberkati Yotam kerana dia mendengar apa yang Tuhan katakan melalui Yesaya dan nabi-nabi lain.



5

Anak raja Yotam ialah Ahas. Ahas berumur dua puluh tahun pada waktu dia menjadi raja, dan enam belas tahun dia memerintah Yerusalem. Ahas tidak mempedulikan Tuhan. Dia menyembah berhala dan tuhan palsu, dan memimpin ramai umat Tuhan untuk melakukan perkara yang sama.



6

Walaupun Yesaya memberi amaran kepadanya, Ahas tidak mahu mendengar amaran Tuhan. Beliau meninggal dunia ketika berusia 35 tahun.



7

Tuhan memberkati raja berikutnya, Hizkia, kerana dia menyingkirkan semua berhala dan tuhan palsu, dan berdoa kepada Tuhan yang benar. Apabila tentera musuh menyerang Yehuda, Hizkia tahu tenteranya terlalu lemah untuk menang. Dia meminta Yesaya untuk berdoa memohon pertolongan Tuhan.




8

Yesaya menghantar mesej ini kepada Raja.  
"Beginilah firman TUHAN: Jangan takut kepada musuh ini ... Aku akan mengalahkan mereka ..."  
Tidak lama kemudian, Tuhan membuat tentera musuh pergi tanpa melawan Hizkia.



9

Walaupun orang di sekelilingnya tidak terlalu memikirkan Tuhan, Yesaya banyak memikirkan Dia.



Pada suatu hari, dia mendapat penglihatan, iaitu seperti bermimpi ketika anda tidak tidur. Dalam penglihatan itu, Yesaya melihat betapa mulia dan kudusnya TUHAN.

10

"Siapakah yang harusKu utus?"  
Tuhan bertanya dalam penglihatan itu. "Inilah aku. Utuslah aku," jawab Yesaya. Dia sanggup melakukan apa sahaja yang Tuhan minta, dan pergi ke mana sahaja Tuhan utuskan.



11

Mungkin Yesaya berfikir Tuhan akan menghantarnya ke tempat orang yang jauh yang tidak pernah mendengar tentang Tuhan. Tetapi tidak, Tuhan tidak melakukan itu.



12


Tuhan menyuruh Yesaya untuk bercakap dengan bangsanya sendiri di negaranya sendiri. Dia harus memberitahu mereka bahawa Tuhan murka atas dosa mereka.



13


Terdapat beberapa perkara lain yang Yesaya perlu beritahukan kepada umatnya - perkara-perkara yang menakjubkan tentang Seseorang yang akan menjadi penyelamat yang kuat akan datang untuk menyelamatkan mereka

daripada dosa dan daripada semua musuh mereka.




14

Orang Yahudi memanggil Orang ini "Mesias". Walaupun mereka mengharapakan Tuhan untuk menghantar Mesias, ramai orang hidup seolah-olah Dia tidak akan datang.



15

Semua perkara yang Yesaya katakan tentang Mesias tertulis dalam kitabnya. Walaupun dia menulis perkara ini beratus-ratus tahun sebelum ia berlaku, semua yang Yesaya katakan tentang Mesias akan menjadi kenyataan.



16

Yesaya berkata bahawa Tuhan sendiri akan memberikan tanda. Dia berkata,


"Lihatlah seorang perawan akan melahirkan seorang anak lelaki dan menamakan Dia Imanuel." Orang ramai tahu Yesaya bercakap tentang Mesias Tuhan kerana

seorang anak dara akan mengandung dan juga mempunyai anak. Juga, nama Imanuel bermaksud Tuhan bersama kita!



17

"Sebab seorang Anak telah lahir untuk kita, seorang Putera telah diberikan untuk kita, dan pemerintah ada di atas bahu-Nya. Dan nama-Nya akan disebut Penasihat ajaib, Allah yang Perkasa, Baba yang Kekal, Raja Damai." Yesaya sangat yakin bahawa janji Tuhan akan menjadi kenyataan, dia bercakap seolah-olah peristiwa itu sudah berlaku. Ini dipanggil nubuat.



18

Yesaya berkata bahawa Mesias akan menjadi besar dan melakukan perkara-perkara besar. Tuhan juga memberitahu Yesaya untuk memberitahu orang ramai bahawa Mesias yang akan menderita dan dibunuh.



19

Yesaya mungkin tertanya-tanya bagaimana Mesias boleh menjadi hebat dan berkuasa dan juga lemah dan cedera. Tetapi Yesaya tidak berdebat dengan Tuhan - dia hanya mengulangi apa yang Tuhan katakan kepadanya. Tuhan akan memastikan nubuatan-Nya menjadi kenyataan.



20

Mesias akan datang - bukan hanya untuk orang Yahudi. Tuhan memberitahu Yesaya bahawa Mesias akan menjadi "terang bagi bangsa-bangsa lain". Orang bukan Yahudi dan semua orang di dunia yang bukan Yahudi. Tuhan mengasihi semua orang dan Mesias akan datang untuk memberkati semua orang dan membawa keselamatan sampai ke hujung bumi.



21

## Yesaya Melihat Masa Depan

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Yesaya 1, 6, 7, 9, 53

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

22

TAMAT

27



60

23

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

24